



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)

www.ijmoed.com



TEORI TAKMILAH SEBAGAI MODEL SASTERA ISLAM MENGIKUT DR. SHAFIE ABU BAKAR¹

THE THEORY OF TAKMILAH AS A MODEL OF ISLAMIC LITERATURE ACCORDING TO DR SHAFIE ABU BAKAR

Adli Yaacob²

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.
Email: adlihy@iium.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 25.10.2021

Revised date: 15.11.2021

Accepted date: 10.12.2021

Published date: 31.12.2021

To cite this document:

Yaacob, A. (2021). Teori Takmilah Sebagai Model Sastera Islam Mengikut Dr. Shafie Abu Bakar. *International Journal of Modern Education*, 3(11), 108-140.

DOI: 10.35631/IJMOE.311008

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini membincangkan mengenai konsep kesusasteraan Islam oleh Dr Shafie Abu Bakar. Bagaimana seni, sastera dan Islam saling berkaitan dijelaskan melalui teori Shafie, teori Takmilah. Takmilah adalah perkataan Arab yang secara harfiah bermaksud saling melengkapi, sehingga dapat dikatakan, ketiga-tiga aspek ini sangat berkaitan. Bukan hanya seni dan sastera yang berkaitan dengan Tuhan, tetapi juga setiap pengetahuan lain di dunia ini. Pada akhirnya, artis dan sasterawan yang berfikir dan menghayati akan menyedari hubungan yang tersembunyi dan yang jelas antara karya seni dan Tuhan.

Kata Kunci:

Dr.Shafie, Takmilah, Melengkapi, Seni, Sastera, Tuhan, Tauhid

Abstract:

This article discusses about Islamic literature concept by Dr. Shafie Abu Bakar. How art, literature and Islam are connected with each other is explained through Shafie's theory, Takmilah theory. Takmilah is an Arabic word which literally means complementing each other, so as one can say, these three aspects are very much related. Not only art and literature are related with God, but also every other knowledge in this world. In the end, artist and litterateurs

¹ إن شافعي أبو بكر يمثل النسل الأصيل من علماء الملايو القدماء ذوي الوعي الإسلامي العريق. نشأ شافعي في بيئة إسلامية صوفية عريقة بمحافظه ترنجانو. تعلم اللغة العربية في كتاب الملايو الإسلامي في ترنجانو. حصل على كل من درجة بكالوريوس وماجستير ودكتوراه في أدب الملايو، فاق له خلفية إسلامية ممتازة. وهو كاتب وشاعر في الوقت نفسه.

² Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. E-Mel: adlihy@iium.edu.my

who contemplate will realize the hidden and underlying relations and sometimes crystal-clear relations between artwork and God.


Keywords:

Dr.Shafie, Takmilah, Complementing, Art, Literature, God, Tawhid

Pendahuluan


Kedudukan Sastera Mengikut Dr. Shafie Abu Bakar

Dr. Shafie Abu Bakar berpendapat konsep sastera Islam mesti dilihat dari dua tahap. Pada tahap pertama dilihat dari segi falsafahnya:



Rajah 1: Sastera Dalam Skema Tawhid³

Menurut pandangan Islam, apa jua bidang khususnya keilmuan, tidak terkeluar daripada falsafah Tawhid. Ilmu pada dasarnya ialah segala maklumat yang benar yang didapati secara sistematik menurut perkaedahan ilmu. Segala bidang ilmu yang membuktikan kebenaran mengarah kepada keesaan Allah. Ianya dapat diterjemahkan seperti rajah berikut:



Rajah 2: Segala Bidang Keilmuan Mengarah Kepada Tuhan⁴.

³ Shafie Abu Bakar, *Takmilah: Teori Sastera Islam dalam Kesusasteraan Islam (sehimpunan bahan rujukan)* oleh Hj. M.Bukhari Lubis, 1997, Bangi, p52.

⁴ Ibid, p52.

Sesungguhnya seni yang di bawahnya terletak sastra, pada dasarnya ialah unsur yang wujud, yang tidak boleh dipisahkan dan menjadi sifat bagi kewujudannya. Dari segi falsafahnya, setiap kewujudan ini dilihat dengan mata seni adalah indah. Keindahan ada samada pada pandangan yang bersifat alamiah, pada diri yang bersifat insaniah, pada objek yang bernama bangunan dan pada konsepsi-konsepsi yang subjektif sifatnya. Bahkan pada dasarnya, segala apa yang terhasil oleh manusia ada padanya unsur seni. Lantaran manusia ialah haiwan yang berdaya aqal dan berdaya seni. Dr. Shafie menegaskan bahawa, manusia memiliki aqal dan hati rohani yang menuntut kepuasan secara rasional. Hasil daripada tujuan bagi memenuhi tuntutan aqal inilah lahirnya ilmu-ilmu yang memajukan insan itu sendiri, manakala bagi memenuhi tuntutan hati rohani, berkembang pula daya kreativiti pada diri manusia dan lahirlah berbagai-bagai hasil seni termasuklah sastra⁵.

Menurut beliau lagi, aspek seni merupakan suara hati nurani insan yang wujud dalam diri mereka. Manusia mengalunkan unsur-unsur kesenian yang wujud untuk menyatakan kerinduan terhadap Allah Yang Maha Pencipta yang memiliki sifat Jalal (جلال), Kamal (كمال), dan Jamal (جمال). Sifat-sifat Jalal dan Kamal dapat ditanggapi melalui aqal berdasarkan bukti-bukti ilmiah dan logik. Manakala sifat Jamal selain dapat difahami dengan aqal, lebih daripada itu ia dapat diertikan dan dirasai melalui penghayatan tentang Jamal atau indahnya Tuhan. Pendeknya, sifat kesempurnaan

Allah dapat dilihat daripada pelbagai dimensi yang merujuk kepada Tawhid Ilahi. Tiga sifat di atas merupakan bahagian sifat-sifat Allah yang sempurna. maka seni itu lebih merujuk kepada sifat “Jamalnya”⁶.

Teori Takmilah (نظرية التكميلة)

Maka berdasarkan kepada pengamatannya dan pandangannya terhadap sifat-sifat Allah dan hubungannya dengan manusia, maka beliau telah mencetuskan teori takmilah. Menurutny, teori takmilah ini lahir hasil dari beberapa siri seminar yang membincangkan tentang teori sastra. Pada peringkat awal beliau telah diminta untuk membentangkan kertas kerja anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka bertemakan “Sastra, Metodologi dan Penetapan Teori di Port Dickson (29-31 Oktober 1992), beliau telah membentangkan kertas kerja berjudul: Sastra Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan Dalam Rangka Tawhid⁷. Pada peringkat ini istilah “Takmilah” sebagai sebuah teori belum lagi wujud, tetapi jika dilihat dari penggunaan kata, teori pengindahan dan penyempurnaan (التجْمِيلَة والتكْمِيلَة) nyatalah rangka ideanya sudah wujud cuma belum ditemui ketetapan dan ketepatan istilah. Kemudian rangka idea mengenai teori ini dilanjutkan ke dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu Ke-3 anjuran Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 5-8 September 1993⁸. Kali ini beliau membentangkan kertas kerja yang berjudul “Teks Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin: Sebagai Model Sastra Islam”⁹. Pada kali ini istilah takmilah ini mulai digunakan di dalam mengolah teks tersebut, tetapi bukan sebagai judul utama dalam kertas kerja. Penggunaan istilah takmilah mula-mula dilakukan oleh beliau sebagai judul kertas kerja apabila membentangkan kertas kerja yang bertajuk “Takmilah: Teori Sastra Islam” di dalam “Nadwah Sastra Islam

⁵ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p53.

⁶ Ibid, p53.

⁷ Ibid, p53.

⁸ Ibid, p53.

⁹ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p53.

Antarabangsa”, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka yang berlangsung di Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1-3 Disember 1993¹⁰. Selanjutnya aplikasi teori ini telah dibuat terhadap kumpulan puisi “Kau dan Aku: Analisis Takmilah”. Kertas kerja ini dibentangkan dalam Majlis Diskusi Buku Sempena Minggu Sastera Malaysia 1994 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka yang berlangsung di bilik sudut penulis Dewan Bahasa dan Pustaka pada 14 September 1994¹¹. Setelah itu, di dalam beberapa kertas kerja beliau telah mengaitkan teori tersebut sebagai asas dalam pendekatan dan pengolahan.

Istilah Takmilah

Istilah ini digunakan dengan melihat pada tahap awal bahawa sastera dengan pengertian yang lebih luas lagi ialah seni yang amat menekankan keindahan (estetika). Manakala keindahan ini adalah merupakan aspek kecenderungan penghayatan terhadap salah satu sifat Allah-iaitu Jamal (indah) yang sememangnya tergambar secara batin kewujudannya pada makhluk.


Tentang sifat Allah yang merujuk kepada namanya sebagaimana firmanNya:

...وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ... {180}¹²

Dan di antara 99 nama yang merujuk kepada sifatnya dikenali sebagai "الأسماء الحسنی" dan di antara sifatnya ialah Jamal-جمال yang bererti indah. Begitu juga dengan sabda Nabi s.a.w, yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim:

((إن الله جميل ويحب الجمال))

Keindahan (al-Jamal) merupakan salah satu sifat Allah yang memperlihatkan kesempurnaannya. Ia dapat dijelaskan sebagaimana berikut:



Rajah 3: Sifat-sifat Kesempurnaan Allah¹³.

¹⁰ Ibid, p53.

¹¹ Ibid, p53.


¹² Surah al-A'araf: 180.

¹³ Shafie Abu Bakar, 1997, *Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip, dalam Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik* Diselenggara Oleh Manasikana, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, p127.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Sifat Jamal Allah mencerminkan kesempurnaanNya, begitu juga dilihat dari segi Qahhar (keperkasaanNya), seperti membinasakan kezaliman makhluk atau Jalal (kebesaranNya) seperti terlihat pada keagungan penciptaanNya. Semuanya memperlihatkan kesempurnaan Allah, bahkan secara hikmah dilihat keperkasaan dan kebesarannya sebagai Jamal yang memperlihatkan “Kamalnya” Allah. Oleh yang demikian para sasterawan ialah orang yang sering melihat ciptaan Allah baik dari sudut Qahhar, Jalal dan sifat-sifat lain sebagai gambaran Jamal Allah yang memperlihatkan Kamalnya.

Seseorang sasterawan atau seniman adalah manusia yang sensitif tentang kejadian Allah baik tentang fenomena alam ciptaan Allah yang indah atau pengalaman hidup manusia, suka duka mereka dan harapan-harapan masa depan dan berbagai-bagai lagi. Semua ini memperlihatkan kekuasaan, keperkasaan kebesaran, keindahan dan kesempurnaan Allah. Para seniman dan sasterawan melihat melalui aqal dan hati (بصيرة) kemudian semuanya diolah dengan mata seni yang indah. Ciri-ciri seni yang dihayati dan hendak dimanifestasikan di dalam karya sastera dilihat dari segi hikmat dan hakikat adalah merupakan pengungkapan terhadap manifestasi Jamal Allah yang mencerminkan sifat sempurna dan di dalam karya juga mahu dilahirkan keindahan karya yang menyempurnakan. Seterusnya Dr. Shafie menggambarkan penglihatan melalui aqal dan mata hati yang bersifat seni dapat diterjemahkan seperti rajah berikut:




Rajah 4: Pandangan Alam Bersifat Jamal Ke Arah “Takmilah”¹⁴.

Sifat Jamal Allah mencerminkan sifat Kamalnya dan percubaan sasterawan memperindahkan karyanya (تجميله) sehingga menjadikannya ke arah kesempurnaan (تكميله).

Dari sini, Dr. Shafie menyimpulkan bahawa sastera dilihat proses ke arahnya melalui tahap peningkatan keindahan. Ia mungkin dapat dirumuskan mengikut rajah berikut:

¹⁴ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p128.



Rajah 5: Peristiwa Peningkatan Bahasa¹⁵.

Istilah Jamal dan Kamal adalah berprinsipkan sifat Allah. Dari akar kata: *جَمَلَ يَجْمَلُ جَمال* dan di atas wazan gandaan: *جَمَلَ يَجْمَلُ تَجْمَلَة*. Ia telah melahirkan istilah *تَجْمَلَة* yang bermaksud menjadikannya lebih indah. Manakala Takmilah (*تَكْمِلَة*) akar katanya berasal dari: *كَمَلَ يَكْمَلُ كَمال* dan di atas wazan gandaan *كَمَلَ يَكْمَلُ تَكْمَلَة*. Kalimat “Takmilah” membawa maksud lebih sempurna.

Takmilah Sebagai Satu Konsep

Apa yang dibicarakan di atas memperlihatkan bahawa “Takmilah” merupakan istilah yang bertalian dengan sifat Allah yang asal perkataannya dari *كَمَلَ يَكْمَلُ كَمال* yang kemudiannya bertalian dengan *تَجْمَلَة* yang berasal dari *جَمَلَ يَجْمَلُ جَمال* yang mana ciri sastera bertolak darinya menuju takmilah. Dari segi konsep sastera Islam yang dimaksudkan tidak setakat asal usul kata, tetapi ia melibatkan semua aspek yang merangkumi penghasilan sesebuah karya yang disifatkan sebagai karya sastera Islam, iaitu melibatkan falsafah, teori dan praktiknya¹⁶.

Teori dan Prinsip

Rangka teori “takmilah” mengikut Dr. Shafie dapatlah dikatakan bersifat holistik yang melibatkan ketuhanan, kenabian, keislaman, keilmuan, karya, pengkarya dan khalayak (pengamat karya). Teori ini mempunyai jaringan yang diperkukuhkan dari pelbagai prinsip keislaman dan persuratan. Teori ini tidak hanya bersifat terawang-awang tetapi dapat dibuktikan dari realiti yang berlaku di dalam persuratan Islam itu sendiri. Aspek-aspek teori yang diasaskan kepada tujuh prinsip:

- 1) Prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal.
- 2) Prinsip kerasulan sebagai insan Kamil.
- 3) Prinsip keislaman yang bersifat Akmal.
- 4) Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul.
- 5) Prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah.
- 6) Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri.
- 7) Prinsip khalayak (pengamat karya) yang bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil.


¹⁵ Ibid, p129.

¹⁶ Ibid, p130.

Dr. Shafie menegaskan, meskipun istilah-istilah yang digunakan bagi tujuh prinsip ada perbezaan iaitu seperti Kamal, Kamil, Akmal, Takamul, Takmilah, dan Istikmal adalah merujuk kepada kesesuaian penggunaan kepada prinsip-prinsip berkenaan, namun kesemuanya berasal dari kata “Kamal” yang darinya diambil istilah “takmilah”¹⁷.

Sifat Allah S.W.T “Kamal” Dan Hubungannya Dengan Takmilah

Sebagaimana yang telah diuraikan sebelum ini bahawa Kamal adalah sifat Allah s.w.t. iaitu satu sifat yang dilihat mempunyai pertalian dengan unsur estetika sebagai yang tercermin pada makhluk kejadiannya. Oleh itu sifat ini dilihat mempunyai estetika sastera yang memiliki pertalian dengan aspek Jamal Allah yang mencerminkan sifat Kamalnya di samping sifat-sifat yang lain. Manakala sastera melalui seni estetikanya pula seharusnya mempertingkatkan diri ke arah kesempurnaan yang dikenali dengan takmilah. Senario ini mungkin dapat dirajahkan seperti berikut:



Rajah 6: Sifat Kamal Allah¹⁸.

Melalui rangka teori yang berkaitan dengan Allah, sastera dilihat bukan sebagai satu aspek yang terasing dari Islam bahkan dianggap satu aspek yang mencerminkan kesyumulan Islam. Dalam kata lain Islam mempunyai pandangan yang tersendiri dan intergrated. Ia diterima sebagai satu aspek yang boleh digunakan seperti di dalam melahirkan rasa keagungan terhadap pencipta. Sastera juga menjadi alat di dalam pelajaran dan merupakan alat pendidikan yang penting di dalam menanamkan rasa keinsanan dan keislaman melalui pembacaan. Melaluinya mendekatkan diri ke arah lebih sempurna (takmilah)¹⁹.


Perhubungan Teori “Takmilah” Dengan Rasul Sebagai Insan Kamil.

Teori ‘Takmilah’ juga mempunyai pertalian dengan Rasulullah s.a.w sebagai Insan Kamil. Perkataan “Kamil” (كَمِيل) mempunyai pertalian dengan istilah “Kamal” (كَمَال) sifat Allah Yang Maha Sempurna. Dalam falsafah pemikiran Islam, terdapat tiga konsep ideal keinsanan, iaitu insan kamil, insan khalifah dan insan Rabbani. Ianya dapat dirajahkan seperti berikut:

¹⁷ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, pp131-132.

¹⁸ Ibid, p132.

¹⁹ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, pp132-133.



Rajah 7: Ideal Keinsanan Kamil²⁰

Insan Kamil mengikut pengertian Dr. Shafie ialah yang mempunyai dua kemampuan iaitu sebagai khalifah yang mentadbir dan memimpin seperti mengendalikan peperangan. Manakala Insan Rabbani pula yang mempunyai suluhan rohani yang dalam dan tinggi terhadap Allah. Oleh itu, gabungan di antara Insan Khalifah dan Insan Rabbani, dapat membawa kepada peningkatan insan kepada tahap insan kamil yang mana contoh ideal berada pada diri Rasulullah. Dilihat dari segi “takmilah” keinsanan ini, persuratan khususnya berperanan meningkatkan keinsanan baik dari segi kekhalifahan mahupun dari segi kerabbaniannya atau yang menjadi ciri-ciri takmilah. Sememangnya diterima bahawa persuratan berperanan di dalam pembinaan keinsanan yang disifatkan oleh al-Quran

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَن تَقْوِيمٍ {4} ²¹

Dari sudut “takmilah” sastera berperanan sebagai pelengkap keinsanan yang mungkin lengkap dari segi intelektual kekhalifahannya, mahupun kerohanian dan kerabbaniannya. Pendek kata, sastera dengan ciri estetikanya menjadi lebih "أحسن" bagi kedua-dua unsur berkenaan dalam mencapai peringkat insan kamilnya²².

Hubungan Teori Takmilah Dengan Islam Sebagai Din

Allah telah menegaskan tentang kesempurnaan Islam di dalam Al-Quran dengan menggunakan perkataan "أكملت"

...الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ {3} ²³

Islam sebagai agama yang sempurna adalah melengkapi dari berbagai-bagai aspek termasuklah “sastera” yang memupuk budaya masyarakat umatnya. Islam sebagai agama syumul seharusnya memancarkan sastera yang mencerminkan budaya masyarakat umat yang syumul. Dari segi praktiknya, persuratan khususnya sastera berperanan membantu sebagai pelengkap mentakmilahkan kesyumulan agama Islam. Misalnya melalui sastera dapat digerakkan dan dipupuk insan yang patuh pada agama, berperibadi tinggi, berpengetahuan luas, lengkap

²⁰ Ibid, p133.


²¹ Surah at-Tin: 4

²² Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p134.

²³ Surah al-Maidah: 3.

dengan nilai-nilai kekhalifahan, kerabbanian dan keihisanan. Pendek kata, ia berperanan membentuk individu, masyarakat dan umat yang mempraktikan kesyumulan Islam.

Rajah ini mungkin dapat menyimpulkan apa yang dimaksudkan dengan konsep ini




Rajah 8: Rajah Yang Menggambarkan Kesyumulan Islam²⁴.

Rajah di atas memperlihatkan bahawa seseorang sasterawan Muslim adalah membawa mesej kesempurnaan Islam dari berbagai-bagai aspek. Untuk menggambarkan kesempurnaan Islam, pengarang juga harus mempersiapkan diri dengan ciri-ciri kesempurnaan. Antaranya “Salim” dari segi hati dan aqalnya.

Hubungan Teori “Takmilah” Dengan Ilmu

Konsep “takmilah” boleh dilihat juga dalam hubungannya dengan ilmu yang mempunyai pertalian dengan aspek diri yang amat penting khususnya aqal dan hati. Senario ini mungkin boleh dirajahkan seperti berikut:



Rajah 9: Kedudukan Sastera Dan Ilmu²⁵.

Dalam Islam, aqal merupakan alat yang paling utama bagi mencapai ilmu, khususnya yang berhubung dengan sesuatu yang alamiah dan rasional sifatnya, manakala melalui hati adalah merupakan saluran ke arah ilmu yang rohani sifatnya yang dikenali dengan makrifat. Bagi kedua-dua bidang berkenaan, sastera berperanan dari segi takamul mempertingkatkan kedua-

²⁴ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p135.


²⁵ Ibid.

dua bidang berkenaan. Bagi bidang ilmu, sungguhpun ianya lebih mementingkan bahasa yang bersifat ilmiah dan tidak bersifat emosi, tetapi sastera tetap mempunyai peranannya. Misalnya sastera “puisi” dijadikan alat bagi merumuskan intisari ilmu dan persoalan-persoalan tertentu.

Dengan demikian menjadikannya lebih menarik dan mudah diingat dan puisi pula meningkat tinggi dari segi pemikiran. Dari satu segi bahan-bahan sastera seperti puisi sering disisipkan dalam karya-karya berkenaan sebagai fungsi hiburan pada tahap tinggi atau menanamkan unsur pendidikan secara tidak langsung. Semua ini menunjukkan bahawa sastera berfungsi sebagai takamul ilmu dan sebaliknya. Dari satu sudut yang lain, sastera lebih akrab dengan sesuatu yang bersifat hati nurani dan rohani sebagai contohnya bidang-bidang kerohanian seperti Tasawwuf dapat mempertingkatkan daya intuitifnya (ذوق الوجدان) dengan menggunakan unsur-unsur sastera. Sebaliknya karya-karya seperti puisi lebih meningkatkan dari segi estetik apabila membicarakan soal-soal ilmu Tasawwuf. Sebagai bukti terhadap ilmu Tasawwuf ialah penyair-penyair sufi merupakan orang yang mampu mengungkapkan puisi yang tinggi nilainya, contohnya Sheikh Jalaludin Rumi, Iqbal dan sebagainya. Ini membuktikan sastera bersifat Takamul "التكامل" kepada ilmu dan ilmu pula takamul kepada sastera²⁶.

Hubungan Teori “Takmilah” Pada Karya

Hubungan teori Takmilah ini pada karya dilihat dari aspek faktor-faktor yang meningkatkan sesebuah karya. Contohnya peningkatan dari bahasa am kepada bahasa khas adalah merupakan takmilah bagi bahasa sastera juga dilihat dari segi kandungannya yang meningkatkannya sebagai karya sastera baik dari segi lahiriah dan maknawi.



Rajah 10: Gambaran Takmilah Dalam Proses Pengkaryaan²⁷.

Aspek lahiriah dalam sesebuah karya ialah teknik di dalam pengkaryaan seperti bentuk, struktur, plot, watak, bahasa, diksi, nada, stilistik, rima, ritma, matra, sukukata, asonasi, aliterasi dan sebagainya yang dapat dilihat dengan jelas. Manakala dari segi maknawinya seperti isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan, nilai, simbol, metafora, alegori, semili, personifikasi, citra dan sebagainya. Semuanya ini merupakan elemen-elemen dalam membina sesebuah karya sastera, baik prosa mahupun puisi. Proses pembinaan karya secara kreatif,

²⁶ Ibid, p136.

²⁷ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p136.

indah dan sempurna merupakan “takmilah” sastera. Senario ini mungkin boleh dibambarkan di dalam rajah di bawah:

- B)
- Bentuk
 - Struktur
 - Teknik
 - Plot
 - Watak
 - Bahasa
 - Diksi
 - Nada
 - Stilistik
 - Rima
 - Ritma
 - Matra
 - Suku kata
 - Asonansi
 - Aliterasi

Rajah 11: Teori “Takmilah” Dan Unsur-Unsur Dalam Dan Luar Karya. A-Unsur-Unsur Dalam, B-Unsur-Unsur Luar.

Bentuk

Islam tidak pernah menentukan bentuk-bentuk seni dan sastera. Bahkan tidak ada satu bentuk asal yang khusus yang dapat dikatakan sebenar-benarnya bentuk sastera Islam. Ini kerana, hasil sastera sebenarnya merupakan pancaran budaya sesuatu masyarakat. Islam datang bersama satu bentuk yang tersedia untuk sastera, umpamanya, orang Arab sudah memiliki bentuk syair sebelum datangnya Islam. Sungguhpun Islam menentang syair pada permulaan Islam, tetapi penentangan yang dilakukan adalah terhadap kandungannya yang bersifat Jahiliah seperti puisi-puisi Saalik "الصعاليك" dan "أصحاب المعلقات" yang bertemakan perseteruan, pembunuhan, ta'sub perkauman. Mencela, berdandan dan sifat-sifat negative yang lain. Semua ini bertentangan dengan nilai-nilai Islam dan kerana itulah Islam menentangnya (sifat-sifatnya) bukan bentuknya. Sebaliknya bentuk syair ini telah diteruskan oleh penyair-penyair yang mendokong perjuangan Rasulullah s.a.w seperti Hassan Bin Thabit, Ka'ab Bin Zuhayr, Abdullah Bin Rawahah, al-Walid Bin al-Mughirah, Zaid Bin Harith dan lain-lain lagi. Mereka telah menggunakan bentuk syair yang sama, dengan pengisian nilai yang positif apabila diterapkan tema-tema Islam di dalamnya. Dan bentuk inilah yang digunakan oleh ulama'-ulama' dalam merakamkan ilmu-ilmu Islam dalam matan-matan puisi. Bahkan bentuk-bentuk yang lain daripada syair seperti qasidah (قصيدة), hikam (حكم), khutbah dan hikayat turut sama digunakan dengan pengisian nilai-nilai Islam.

Pengambilan bentuk-bentuk yang sedia ada yang wujud dalam peradaban asing apabila Islam berkembang di negeri-negeri di luar tanah Arab juga tidak ditentang dalam Islam bahkan ia telah diberi wajah baru dan hikayat berbingkai diambil daripada bentuk-bentuk sastera Parsi. Demikian juga apabila Islam berkembang di alam Melayu, maka bentuk sastera yang sedia wujud dalam sastera Melayu turut diterima, misalnya gurindam, pantun, bahasa berirama dan sebagainya. Bentuk novel dan sajak adalah daripada pengaruh Barat tetapi digunakan dalam

mengisi nilai-nilai keislaman sebagaimana terbukti dengan wujudnya novel-novel yang mempamerkan nilai-nilai keislaman seperti Di bawah Lindungan Kaabah oleh Hamka atau Tunggul-tunggul Gerigis oleh Shahnnon Ahmad dan lain-lain lagi. Kesimpulannya, bentuk tidak menimbulkan masalah bagi sastra Islam. Segala bentuk yang sedia ada bahkan di luar daripada Islam dapat diterima, kiranya ia diisi dengan nilai-nilai keislaman.

Dilihat dari segi Teori Takmilah, pemilihan sesuatu bentuk yang dianggap indah, baik prosa atau puisi merupakan proses “Takmilah”. Keindahan bentuk adalah tidak lain daripada menjelmakan unsur-unsur indah yang sedia ada dalam ciptaan Allah. Umpamanya unsur-unsur berpasang AA dalam syair (Melayu) atau AB AB dalam pantun (Melayu). Suku kata ini terilham setelah melihat keindahan ciptaan Allah yang berpasang-pasangan dan berkawan-kawan. Ia merupakan salah satu ciptaan Allah yang dimanifestasikan dalam bentuk sastra.

Walaupun Dr. Shafie menegaskan bahawa bentuk dapat diterima dalam sastra Islam dengan syarat ia diisi dengan nilai-nilai Islam, namun begitu bentuk dan pengisiannya dapat dicontohi daripada al-Quran dan tradisi persuratan Islam. Sungguhpun al-Quran tidak dapat dikatakan sebagai karangan prosa atau puisi, tetapi ia kaya dengan unsur-unsur sastra, baik dari segi prosa mahupun puisi. Daipada al-Quran dapat diambil contoh baik dari segi bentuk dan pengisian kepada bentuk. Namun begitu mestilah diakui bahawa tidak akan ada karya ciptaan manusia yang akan dapat menyamai al-Quran. Beliau menegaskan bahawa, meskipun tidak ada bentuk khusus dalam kesusasteraan Islam, tetapi penggunaan bentuk-bentuk tertentu yang dipopularkan oleh tokoh-tokoh penulis sastra Islam menjadikan sesuatu bentuk itu identik dengan diri mereka dan berjaya memancarkan imej Islam. Sebagai contoh, bentuk masnawi adalah salah satu bentuk puisi yang wujud dalam sastra Parsi. Bentuk ini menjadi terkenal sebagai media pengucapan puisi sufi dan menjadi identik dengan beliau. Manakala di alam Melayu, “gurindam” satu bentuk puisi yang tidak begitu identik dengan tema-tema agama, tetapi apabila Raja Ali Haji menggunakan gurindam sebagai bentuk (media) untuk mengungkapkan tema-tema akhlaq dan nasihat, maka gurindam menjadi sehati dengan Raja Ali Haji dan tema-tema keagamaan²⁸.

Struktur dan Teknik

Aspek struktur dan teknik ini lebih banyak terikat kepada bentuk sastra yang lama (konvensional) dari bentuk yang moden. Struktur sesebuah cerita, hikayat, cerpen atau novel melibatkan teknik dasarnya iaitu ia mempunyai unsur-unsur pembukaan, perkembangan, konflik, klimaks, antiklimaks dan penyelesaian dan di dalamnya melibatkan teknik-teknik tambahan yang lain. Bagi puisi tradisional, misalnya pantun dan syair, ia harus akur kepada ciri-ciri seperti jumlah baris dengan setiap barisnya mempunyai suku kata tertentu dan skema yang tertentu pula. Sifat sajak²⁹ pula agak terbuka, dengan ciri-ciri yang lebih cair (bebas), tetapi ada ukuran-ukuran tertentu dari segi bentuk, struktur, teknik, bahasa dan lain-lain yang mencirikan sebagai sebuah sajak. Hakikatnya, kesempurnaan struktur dan teknik merupakan “takmilah” dari segi bentuk, struktur dan teknik tersebut. “Teori Takmilah” yang cuba dikaitkan dari segi puisi ialah melibatkan kesempurnaan bentuk, struktur dan teknik dan mengikut Dr. Shafie, mungkin senario ini menepati dengan takrifan puisi sebagaimana yang dikatakan oleh Prof Muhammad Hj Salleh sebagai: “Poetry is the best words in the best

²⁸ Shafie Abu Bakar, *passim*, pp59-60.

²⁹ الشعر الحر (sajak ialah puisi yang dipengaruhi oleh Barat ia seperti "الشعر الحر" dalam budaya Arab.

order”³⁰. Oleh itu, apabila berkarya penyair cuba mencari “kesempurnaan” dalam mengungkap kata-kata dalam puisinya, seberapa daya yang mungkin.

Dr. Shafie menambah walaupun pada dasarnya persoalan struktur dan teknik biasanya tidak menimbulkan masalah, namun terdapat batas-batas tertentu, terutama dari segi teknik. Seseorang sasterawan perlu mengawal diri dalam menggunakan teknik-teknik yang boleh menjejaskan kesucian Islam. Umpamanya, seseorang sasterawan tidak boleh menggunakan kebebasan imaginasi sewenang-wenangnya untuk menggambarkan tentang Tuhan atau bertindak selaku mewakili Tuhan. Demikian juga kesucian Nabi perlu dipelihara. Meskipun para Nabi ialah manusia biasa namun tidak seharusnya mereka itu diimajinasikan dan dinisbahkan dengan sesuatu yang tidak berlaku kepada mereka. Bahkan para Nabi itu tidak seharusnya diperwatakan oleh orang lain. Dari segi teknik juga, apabila menggambarkan sesuatu peristiwa, adegan atau watak, jika menceritakan yang buruk termasuklah pemaparan tentang nafsu, para sasterawan tidak harus mengeksplorit dan memperincikan unsur-unsur keburukan itu sehingga mengakibatkan kesan negatif kepada pembaca. Cukuplah sekadar ia dapat difahami dan ditanggapi pembaca. Beliau menampilkan contoh Yusuf dan Zulaikha yang ditampilkan al-Quran. Unsur yang ditampilkan sekadar untuk memahamkan situasi bukan melampau di dalam menggambarkan sesuatu sehingga membawa kepada unsur negatif. Perlu difahami, bahawa dalam sastra Islam bukan tidak boleh didedahkan unsur yang buruk dan negatif, tetapi pendedahan ini untuk tujuan menyedarkan dan pengajaran serta dikemukakan dalam batas kawalan tanpa merosakkan tujuan “Takmilah” dalam sastra itu sendiri³¹.

Watak dan Perwatakan

Watak dan perwatakan merupakan aspek utama, terutama karya yang bersifat cerita. Definisi watak sepertimana yang dipetik oleh Dr. Shafie dari Thrall, Hibbard ialah “A brief descriptive sketch of a personage who typifies some definite quality”. Manakala perwatakan pula: “The Characters of imaginary persons. The Creation of images of these imaginary person so credible that they exist for the reader as real within the limit of the fiction”³².

Walaupun mungkin dalam tanggapan kita, apabila disebut sastra Islam ia adalah sastra yang membawa nilai yang baik, tidak bermakna apa yang diceritakan, khususnya watak-wataknya mesti baik-baik belaka. Hasil karya sastra ialah cermin masyarakat yang di dalamnya terungkap watak-watak yang baik dan jahat. Jadi, dalam sastra Islam juga wujud watak baik dan jahat dan gambaran perwatakan mereka, tetapi pengarang, sebagai seorang yang mempunyai nilai dan wawasan dalam penulisannya, haruslah mengarahkan karyanya kearah sudut pandangan dan amanat (mesej) yang memperkukuhkan nilai-nilai Islam sebagai Takmilah dalam sastra Islam. Secara halus misalnya, melalui watak dan gambaran perwatakannya, pembaca tidak menyenangi watak-watak jahat dengan sifat kelakuan mereka yang bertentangan dengan nilai-nilai akhlaq murni dalam Islam dan secara halus pula pengarang seharusnya berusaha menarik pembacanya kepada watak-watak yang membawa nilai-nilai yang positif yang menyempurnakan sifat keinsanan sebagaimana yang dituntut oleh Islam.

³⁰ Muhammad Hj Salleh, 1980, *Konsep Seni Sastra-Cerpen dan Novel dalam Penulisan Kreatif*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, p3.

³¹ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p65.

³² Thrall, Hibbard Holman, 1960, *A Handbook To Literature*, The Odyssey Press: New York, p79.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Sudut Pandangan, Nilai dan Amanat (Mesej) Mengikut Dr. Shafie

Tiga aspek di atas mengikut Dr. Shafie, dapat dianggap sebagai unsur-unsur bertalian dalam penghasilan sesebuah karya sastra. Sudut pandangan ialah hasil daripada orientasi keyakinan yang tertanam dalam diri seseorang. Dalam menilai sesuatu seseorang akan menjurus kepada sudut pandangan sedemikian. Ia merupakan penyelarasan bagi dirinya supaya tidak berlawanan dan mengelirukan. Sastra Islam yang didukung oleh sasterawan Muslim seharusnya mempunyai sudut pandangan yang menjurus ke arah pandangan keislaman, kerana seni “termasuk sastra” Islam menurut Syed Qutb: ialah “Seni (termasuk sastra) yang melukiskan gambaran wujud dari sudut Tasawwur keislaman”³³. Manakala dari sudut sastra katanya: Ia adalah ungkapan yang indah tentang alam, kehidupan dan insan dari sudut Tasawwur keislaman³⁴. Manakala natijah dari ini ia akan membuahkan: “Seni yang menyempurnakan kesempurnaan pertemuan antara keindahan dan kebenaran. Keindahan ialah hakikat kewujudan manakala kebenaran ialah puncak keindahan”³⁵. Dr. Shafie menyimpulkan pertemuan antara keindahan dan kebenaran ini merupakan puncak “Takmilah” dalam sastra Islam³⁶.

Dr. Shafie menegaskan di dalam menuju ke arah pandangan keislaman dalam segala persoalan yang didepani oleh seseorang sasterawan Islam tidak cukup hanya dengan kemampuannya bersastra semata-mata. Mereka perlu memahami persoalan aqidah, aturan syariat, nilai akhlaq dan ciri-ciri nilai sastra dan estetika keislaman. Dengan demikian barulah dia mampu menilai dan menghasilkan sesebuah karya yang boleh dianggap sebagai sastra Islam. Jadi dalam menilai sesebuah karya Islam tidak saja dilihat dari segi sastra dan estetikanya, tetapi juga melibatkan apa yang diperkatakan dalam karya berkenaan, samada bercanggah atau sebaliknya dengan aqidah keislaman. Penilaian juga harus dilihat dari sudut syariat, samada ia selaras atau bercanggah, demikian juga harus dinilai dari segi akhlaq. Kesemuanya itu, merupakan unsur-unsur takmilah dalam sastra Islam. Beliau menambah lagi bahawa penilaian yang dimaksudkan bukan bergantung pada keseluruhan apa yang dikemukakan dalam karya, tetapi ia telah menjurus ke arah nilai serta sudut pandangan yang diketengahkan oleh seseorang penulis. Dalam erti kata lain, seorang sasterawan tidak semestinya, mengelakkan diri daripada membicarakan, misalnya, soal-soal kejahatan seorang tokoh, unsur-unsur maksiat, dalam masyarakat, penyelewengan dalam pengurusan, permusuhan dan perseteruan dan berbagai-bagai aspek negatif lagi, tetapi dalam pembicaraan tersebut penyelesaiannya hendaklah dibuat menurut nilai dan susila keislaman. Ini kerana, unsur-unsur negatif yang didedahkan itu dapat membantu pembaca mengambil iktibar dan men“takmilah”kan diri³⁷.

Manakala Amanat (mesej) mempunyai pertalian yang amat rapat dengan sudut pandangan dan penilaian. Sasterawan yang mempunyai pandangan dan penilaian khusus menurut orientasi nilainya, dalam konteks kita, nilai Islam, membentuk sudut pandangan dan dia tahu apa “mesej” yang ingin disampaikan biasanya secara tidak langsung. Amanat dari sudut keislaman

³³ إنما هو الفن الذي يرسم صورة الوجود من زاوية التصور الإسلامي لهذا الوجود.

³⁴ هو التفسير الجميل عن الكون والحياة والإنسان من خلال تصور الإسلام للكون والحياة والإنسان.

³⁵ هو الفن الذي يهيء اللقاء الكامل بين "الجمال" و"الحق" فالجمال حقيقة في هذا الكون، والحق هو ذروة الجمال...ومن هنا يلتقيان في القمة التي تلقي عندها كل حقائق الوجود.

³⁶ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p67.

³⁷ Ibid, p68.

haruslah bersifat positif, selaras dengan nilai-nilai keislaman yang men“takmilah”kan keinsanan dan jaringan yang berhubungan dengannya³⁸.

Isi

Dari segi isi, sesebuah karya berunsur Islam itu pada dasarnya hendaklah membawa nilai yang baik dan positif yang dapat memberi tauladan kepada Muslim secara khusus dan juga kepada yang bukan Muslim secara umum. Penyampaian unsur positif dalam sesebuah karya ini tidak semestinya bersifat langsung, ia dapat disampaikan secara halus, tetapi berkesan. Dengannya ia dapat membantu dalam men“takmilah” kepada individu dan masyarakat yang menghayatinya.

Tema

Berkaitan dengan tema Dr. Shafie merujuk kepada definisi oleh Thrall dan Hibbard Holman, katanya: The control or dominating idea in a literary work. In non-fiction prose it may be thought of as the general topic of discussion, the subject of the discourse, the thesis. In poetry, fiction and drama it is the abstract concept which is made concrete through its representation in person, action and image in the work³⁹.

Tema sesebuah karya amat penting kerana ia dianggap sebagai jiwa karya tersebut yang daripadanya terpancar amanat yang dibawanya. Jika tema diibaratkan sebagai jiwa maka ada jiwa yang baik dan ada jiwa yang buruk kerana diorientasi oleh nilai dan suasana alam sekeliling yang baik atau sebaliknya. Dari segi teori Takmilah mengikut Dr. Shafie, tema yang baik sahajalah yang dapat memperbaiki dan men“takmilah”kan jiwa individu dan masyarakat. Tetapi beliau menegaskan, tidak bererti sesuatu tema yang buruk mengarah kepada amanat yang buruk secara mutlak. Ini kerana, ia terpulang kepada sudut pandangan pengarang atau sasterawan dalam membuat kesimpulan dan membuat penilaian sehingga secara halus pula unsur kejahatan dapat dikalahkan dan khalayak pula berpihak kepada kebenaran⁴⁰.

Walaupun dalam tradisi sastera Islam, tema yang lebih rapat dengan nilai-nilai keislaman lebih utama dijadikan tema sastera, kerana ia lebih dekat dan sempurna dari segi takmilah. Tema-tema berkenaan adalah tentang ketuhanan, Nabi, sahabat, para tabiin (التابعين), para wali, ulama’, salihin, pahlawan dan sebagainya. Dari segi ketuhanan seperti syair tentang sifat 20, tentang kenabian terdapat dalam cerita-cerita seperti Hikayat Nabi Mikraj dan Hikayat Mukjizat Nabi, cerita yang berkaitan dengan sahabat pula dapat dibaca dalam Hikayat Amir al-Mukmini, Umar dan Hikayat Abdullah bin Umar dan sebagainya⁴¹.

Apabila diamati sepenuhnya, cerita-cerita yang disebutkan di atas jelas mengisahkan tokoh-tokoh penting dalam Islam. Mereka menjadi contoh tauladan bagi pengikut-pengikut Islam. Peribadi dan pembawaan mereka menjadi “Takmilah” (contoh kepada pembaca untuk menyempurnakan keperibadian mereka) kepada pembaca. Walaupun Dr. Shafie menegaskan hakikat pemilihan tema yang merupakan hal-hal yang paling dekat dengan Islam tidaklah bererti bahawa hanya karya-karya yang paling dekat dengan Islam sahaja yang berjaya membawa tema sastera Islam. Perlu diingat bahawa bukan tema-tema yang rapat dengan Islam sahaja yang menentukan sastera itu sastera Islam atau sebaliknya. Sesuatu tema yang

³⁸ Ibid, p68.

³⁹ Thrall, Hibbard Holman, 1960, *passim*, p486.

⁴⁰ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p63.

⁴¹ Ibid.

kandungannya menyentuh sesuatu yang buruk, tetapi pada akhirnya ia diberikan kesimpulan dengan cara penyelesaian secara Islam juga dapat dianggap sebagai sastra Islam. Terruplenglah kepada pengarang menyelesaikannya secara Islam⁴².

Latar, Budaya dan Pengaruh

Latar memainkan peranan yang paling penting dalam menghidupkan sesebuah karya sastra, khususnya yang bersifat cerita. Latar boleh merujuk kepada latar tempat, suasana (termasuk sejarah) dan latar watak atau tokoh. Sesebuah karya mungkin berlatarbelakangkan tokoh, keluarga dalam masyarakat Islam dengan konflik-konflik yang wujud di dalamnya dan penyelesaian atau anjuran yang dibawanya. Latar demikian mungkin lebih mudah dari segi pendekatan, huraian dan penyelesaian. Tetapi latar sesebuah cerita atau puisi ada di mana-mana. Ia mungkin berlaku di sebuah desa dalam suasana sekarang, atau di tengah kota dengan kepelbagaian warna kehidupannya yang mencabar, atau latarnya jauh di luar negeri atau di rantau orang. Semua ini tidak menghalang para sasterawan untuk menerapkan nilai-nilai keislaman dan penyelesaian menurut jurus pandangan keislaman. Kemampuan menerapkan nilai-nilai Islam dalam sastra datangnya daripada sasterawan atau pengarang yang kukuh pegangan agamanya, jelas kefahamannya dan kemampuannya menguasai bidang penulisan. Dengan kekukuhan pegangannya dan kefahamannya di tengah budaya masyarakat yang budayanya tidak selari dengan nilai-nilai keislaman. Sasterawan jenis ini diumpamakan seperti ikan yang hidup di tengah-tengah laut yang masin airnya, sedang kehidupan dan jiwanya tidak sampai dipengaruhi oleh kemasinan air yang mengelilinginya. Dia tidak seperti ikan mati yang segera saja menjadi masin apabila diletakkan garam. Ini kerana diri dan jiwanya turut mati⁴³.

Sesungguhnya jiwa yang kuat dan teguh dengan keimanan bukan sahaja tidak mudah dipengaruhi oleh suasana budaya yang mengelilinginya, ia malah mungkin pula mempengaruhi dan mengubah budaya tersebut dan mencorakkannya dengan nilai keislaman yang diperjuangkannya.

Idea, Ideologi dan Biografi

Apabila seseorang pengarang menulis karya kreatifnya, kebiasaannya dia ingin menyampaikan wawasan atau ideologi tertentu yang diimaninya. Mengikut Dr. Shafie, hakikatnya penampilan idea ini merupakan perkara yang biasa, namun jika penampilan ini dilakukan secara langsung dan berlebihan ia akan merosakkan nilai estetika sesebuah karya. Penampilan idea atau ideologi dalam karya umpamanya pernah dilakukan oleh Hamzah Fansuri (الشيخ حمزة الفنصوري) melalui syair-syair bagi mengemukakan faham "وحدة الوجود" yang kemudiannya disanggah dengan hebat oleh pendokong Mazhab Sunni الشيخ النور الدين البوانيري, yang menganggap fahaman ini tidak murni dalam Islam⁴⁴. Penyanggahan ini mengikut Dr. Shafie bertujuan untuk memurnikan dan mentakmilahkan Islam. Keadaan demikian akan berlaku dengan kemasukan ideologi-ideologi yang bercanggah dengan nilai-nilai keislaman. Ia mempunyai pertalian yang erat dengan latar biografi pengarang. Seorang sasterawan atau pengarang yang menghasilkan tulisan yang berorientasikan fahaman sosialis biasanya mempunyai didikan atau sekurang-kurangnya dipengaruhi oleh pembacaan bahan-bahan yang bersifat sosialis⁴⁵.

⁴² Ibid.

⁴³ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p69.

⁴⁴ Al-Attas, Syed Naquib, 1966, *Raniri and The Wujudiyah*, Monograph of The Malaysian Branch Royal Asiatic Society III, p26.

⁴⁵ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p70.

Oleh itu, dalam konteks sastera Islam pula, seseorang yang mahu menulis atau menghasilkan karya-karya yang berunsur Islam perlulah mempunyai latar pendidikan Islam. Dia perlu memahami aspek-aspek asasi dalam Islam dari segi aqidah, syariat dan akhlaqnya. Dia juga perlu memahami segala aspek yang berhubungkait dengan sastera Islam di samping sastera secara umum. Tanpa kefahaman demikian tidak mungkin dia dapat menghasilkan sastera Islam, apa lagi untuk menghasilkan karya yang dimaksudkan sebagai menepati Teori “Takmilah”.

Khalayak (Pengamat Karya-Pembaca)

Dalam penghasilan sastera, khalayak merupakan sasaran bagi karya. Seseorang pengarang, apabila berkarya sejak awal-awal lagi sudah mengenal pasti khalayak itu terdiri daripada anak-anak kecil, remaja atau orang dewasa. Pengarang dari awal harus menyusun karyanya mengikut keutamaan dan kesesuaian bidang dengan kepakarannya. Sastera sebagai satu bidang keilmuan perlulah memenuhi kehendak khalayaknya. Dalam hal ini, sasterawan tidak semata-mata mengikut kemahuan khalayak, tetapi bagi pengarang yang berwawasan, dia secara halus menggunakan karyanya untuk menyampaikan aspek-aspek dan nilai-nilai positif di kalangan pembaca. Karya itu mungkin bersifat dakwah, pendidikan, akhlaq dan berbagai-bagai aspek lagi yang menuju ke arah “Takmilah” insan dan karya. Walaubagaimanapun, dari segi pemahaman dan penerimaan masyarakat pembaca, tidak semua mereka bersifat positif dan menerima sahaja apa yang disogokkan oleh pengarang. Ada berbagai-bagai tahap kemampuan dan pencapaian pembaca, di samping menerimanya secara langsung, ada yang menerimanya secara intelektual dan kritikal. Mereka mungkin tidak menerimanya sekadar pada tahap lapisan permulaan, tetapi mentafsirkannya dan menilaikannya berdasarkan kepada pelajaran, pengalaman dan kemampuan sastera yang ada pada mereka, malah ada di kalangan mereka yang mampu mengkritik apa yang diutarakan oleh pengarang. Pendek kata, sesuatu karya bukan sahaja bersifat memberi, sebaliknya ia juga bersifat menerima, dinilai dan dikritik. Seseorang pengarang, walaupun mempunyai niat tertentu untuk menyelitkan amanat dan nilai keislaman dalam karya-karyanya, penyampaianya tidak seharusnya bersifat langsung, ketara dan seperti propaganda sifatnya sehingga menghilangkan dan merosakkan nilai-nilai estetikanya.

Justeru itu, Dr. Shafie melihat untuk mencapai “Takmilah” dalam aspek ini ialah pengolahan yang penuh bijaksana dan berimbang di antara idea, amanat (mesej), nilai (قيم), estetika dan aspek-aspek lain.

Aspek Bahasa

Dari segi falsafah, bahasa ialah lambang sebutan bagi makna sesuatu yang sedia wujud. Penyebutan bahasa bagi sesuatu bangsa pula dilambangkan dengan huruf-huruf tulisan seperti Bahasa Inggeris dilambangkan melalui abjad rumi, Bahasa Arab melalui huruf Arabnya dan Bahasa Melayu melalui abjad rumi dan jawi. Penggunaan bahasa menyempurnakan (mentakmilahkan) kehidupan manusia dari segi komunikasi, pelajaran, keilmuan, urusan mu‘amalah, pentadbiran dan lain-lain lagi.

Dilihat dari segi falsafah pada hakikatnya alam ini sendiri adalah sebagai kitab yang terbuka yang mana fenomena-fenomena yang ada di dalamnya merupakan lambang-lambang huruf yang dapat dibaca oleh mereka yang mempunyai kesedaran aqal yang tinggi. Melalui pembacaan terhadap alam, ilmuan yang mengkaji berbagai-bagai rahsia alam dapat melahirkan berbagai-bagai ilmu yang dapat dimanfaatkan bagi kemajuan manusia. Diumpamakan alam ini

sebagai kitab besar yang terbuka luas untuk diterokai, maka al-Quran merupakan rumusan maklumat yang di dalamnya mengandungi rahsia alam sepenuhnya.

Dari sudut sastera, memandang alam merupakan pembacaan terhadapnya secara seni dan estetika melalui mata hati lebih daripada aqal. Aspek indah, seni dan estetika ini merupakan sesuatu yang sedia wujud di alam ini, lantaran kejadian alam ini merupakan sesuatu yang indah daripada pancaran sifat Allah yang indah. Pengarang ialah orang yang terpaut pada keindahan dan terdorong meniru, menggunakan dan menyusun kembali keindahan tersebut ke dalam bentuk-bentuk karya kreatif dengan memetik dan menyusun unsur-unsur terindah dan terbaik daripada peristiwa yang dihayatinya ke dalam bentuk karya pilihannya samada berbentuk prosa atau puisi.

Oleh yang demikian, “bahasa” seolah-olah bertindak sebagai alat penetapan istilah bagi maklumat kandungan sesebuah karya. Ia juga meningkatkan daya estetika melalui pemilihan kata, penyusunan bahasa dan peningkatan rasa. Setiap aspek ini berperanan men“takmilah”kan (menyempurnakan) sesebuah karya. Bagi karya sastera Islam, al-Quran selalu menjadi contoh bagi ketepatan makna, kejelasan keterangan dan keindahan susunan. Di mana kemuncak kepada usaha memahami dan menghayati al-Quran telah melahirkan tradisi keilmuan yang dikenali sebagai ilmu Balaghah (علم البلاغة) apabila ilmu ini diasaskan oleh al-Sheikh Ab. Qahir al-Jurjani (الشيخ عبد القاهر الجرجاني). Manakala hasil usaha menyusun keindahan bahasa telah melahirkan ilmu yang dikenali sebagai "العروض والقافية". Ia telah diasaskan oleh Khalil Ibn Ahmad al-Farahidi dalam bukunya al-‘Ain. Tujuan ilmu ini diasaskan antara lain untuk mencari kesempurnaan (Takmilah) dalam susunan sesebuah karya.

Diksi dan Terminologi

Antara aspek yang dibicarakan dalam karya sastera, ialah pemilihan kata dan juga istilah-istilah tertentu yang dapat mewakili maksud-maksud tertentu di samping berdaya estetik (khususnya bagi puisi), segar dan memberi konotasi makna yang bercabang dan berlapis. Istilah-istilah yang melibatkan terminologi tertentu, misalnya yang berhubung dengan aqidah, falsafah, syariat, Tasawwuf dan akhlaq merupakan istilah-istilah yang ketat dan memerlukan pemilihan yang berhati-hati agar tidak berlaku penyelewengan dari segi makna. Dalam kajian terhadap al-Quran, ilmu yang demikian mempunyai ciri-ciri persamaan dengan ilmu yang dikenali sebagai Ilmu Ma‘ani, iaitu satu daripada pecahan ilmu Balaghah. Objektif daripada Ilmu Ma‘ani mengikut “Makhluf al-Munyawi” ialah untuk mengawasi supaya tidak berlaku kesilapan makna dalam penggunaan kata⁴⁶. Dalam ilmu ini dibicarakan tentang lafaz kata-kata samada ia menepati maksud atau tidak, kerana ketepatan ini banyak melibatkan tatabahasa (tetapi ia menggunakan istilah khusus) juga dari segi ekonomi, pembaziran dalam penyempurnaan (takmilah) kata. Manakala ilmu bayan dan badi’ menekankan persoalan yang berhubung dengan estetika, lebih-lebih lagi dalam bidang penulisan puisi.

Nada dan Stilistik

Nada dapat dikaitkan dengan mood (perasaan) pengarang yang timbul daripada sesebuah karya, seperti sedih, riang, serius, lucu dan sebagainya. Ia lebih melibatkan perasaan sebagai kesan daripada kemampuan pengarang dalam menghidupkan kecenderungan pembaca-pembacanya.

⁴⁶ Al-Munyawi, Makhluf, t.t, *Hasyiyat ‘ala Sharh al-Jauhar al-Maknun*, Matbaah Dar al-Tibaat: Mesir, p17.
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Umumnya, setiap pengarang muncul dan menulis menurut gaya bahasa sezamannya. Tetapi perubahan tetap berlaku secara evolusi dalam bahasa akibat perubahan zaman, tekanan sosial, perkembangan ilmu, pengaruh luar, perkembangan teknologi, komunikasi dan sebagainya. Maka bahasa dan gaya turut berkembang dan berubah. Namun perubahan secara evolusi itu ada ruang untuk individu berdasarkan kepada keahliannya menulis, untuk membawa perubahan dan kematangan bahasanya sendiri tetapi tidak jauh menyeleweng daripada arus perkembangan bahasa tersebut. Perkembangan gaya bahasa tersendiri hasil daripada kematangan pengarang ini dikatakan sebagai satu bentuk gaya bahasa pengarang berkenaan. Fenomena umpamanya dapat dilihat dari pendekatan penulisan puisi Hamzah Fansuri yang mana mengikut Prof Mohd Kamal Hassan, al-Fansuri telah mempelopori satu kaedah baru dalam penulisan puisi.

Gaya yang dicorakkan oleh penulis tertentu menjadi identiti pengarang berkenaan yang membezakan dan mengistimewakannya berbanding pengarang lain. Ringkasnya, pengarang itu mencapai “takmilah” sendiri dari segi penggunaan bahasa. Dalam hal ini, Rene Wellek dan Austin Warren mendefinisikan style sebagai: “Appears as the individual linguistic system of a work, or a group of works”⁴⁷. Dan menurut mereka lagi: “Stylistics, of course, cannot be pursued successfully without a through grounding in general linguistics, since precisely one of its central concerns is the contrast of the language system of a literary work of art with the general usage of the time”⁴⁸.

Seterusnya Dr. Shafie menyimpulkan bahawa style pada diri seseorang pengarang dianggap sebagai kebolehan yang tersendiri, menarik dan mungkin indah, dan dalam aspek yang lain ia merupakan “Takmilah” kepada bahasa dan sastera. Beliau menegaskan bahawa, tidaklah dinamakan style jika apa yang diutarakan itu sesuatu yang menyeleweng dan merosakkan. Oleh yang demikian, sewaktu membawa pembaharuan, pengarang tidak dapat lari daripada berpijak pada akar dan tradisi sastera dan budaya bangsanya⁴⁹.

Estetika

Mengikut Jean Duvignaud, estetika ialah “The work of art is a means of understanding and of coming to terms with the external world”⁵⁰. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa estetika merupakan kesan penghayatan daripada kehalusan seni (sastera) yang memantulkan rasa indah, kudus, terharu, cinta dan sebagainya.

Dalam Islam, keindahan merupakan pancaran daripada keindahan tertinggi. Ia merupakan hakikat kejadian dan kerinduan setiap kejadian, khususnya insan. Seniman merupakan orang yang terpaut kepada keindahan dan daya seni estetikanya, khususnya dalam bidang sastera, dan mereka seolah-olah berusaha menyerlahkan segala unsur keindahan ke dalam karyanya. Ini merupakan usaha mentakmilah seni sastera itu untuk mentakmilah yang lain. Umpamanya dalam pantun Melayu, mengikut Dr. Harun Mat Piah yang dipetik oleh Dr. Shafie menjelaskan: Seniman Melayu melihat unsur-unsur pembayang dengan unsur maksud (regu) yang bertentangan dengan jumlah suku kata tertentu sesuai dengan nafas sebagai keindahan yang alamiah (universal) sifatnya⁵¹. Apabila kita meneliti aspek ini, berbagai-bagai unsur keindahan

⁴⁷ Wellek, R. and Warren A., 1968, *Theory of Literature*, Penguin Books: London, p180.

⁴⁸ Ibid, p177.

⁴⁹ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p75.

⁵⁰ Duvignaud, J., 1972, *The Sociology of Art*, Paladin: London, p29.

⁵¹ Harun Mat Piah, 1989, *Puisi Melayu Tradisional*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, pp123-124.

diambil daripada berbagai-bagai aspek, termasuklah unsur bunyi yang biasanya berulang dan persamaan bunyi untuk menyempurnakan bentuk, bunyi dan makna yang indah.

Mengikut Dr. Shafie, aspek estetika lebih banyak melibatkan puisi berbanding dengan prosa. Dalam Islam, kajian yang berhubung dengan aspek keindahan juga banyak diberi tumpuan umpamanya, dalam Ilmu Balaghah dua daripada tiga komponen yang terdapat dalam ilmu itu ialah ilmu bayan (علم البيان) dan ilmu badi' (علم البديع) yang kedua-duanya lebih menekankan aspek estetika⁵².

Simile (التشبيه) Metafora (مجاز) Alegori (الاستعارة) Motonimi (كناية)

Aspek-aspek di atas melibatkan ilmu yang dikenali sebagai al-bayan. Ilmu al-bayan dari segi bahasanya bererti penerangan, nyata dan zahir. Dari segi istilahnya pula ialah ilmu yang mempunyai prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang dapat dikenali maksudnya daripada ungkapannya yang berbagai-bagai. Contoh bagi ungkapan-ungkapan ini ialah contoh bagi kinayah (motonimi) ialah apa yang diperkatakan tentang sesuatu tetapi dimaksudkan kepada yang lain seperti dalam firman Allah s.w.t:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى {5}⁵³

Contoh bagi alegori (isti'arah) seperti firman Allah

...كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ... {1}⁵⁴

Contoh bagi simile (التشبيه) umpamanya ilmu itu sungai dan hikmat itu laut. Contoh bagi majaz (metafora) seperti yang tertera dalam firman Allah:

هُوَ الَّذِي يُرِيكُمْ آيَاتِهِ وَيُنَزِّلُ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ رِزْقًا وَمَا يَتَذَكَّرُ إِلَّا مَنْ يُنِيبُ {13}⁵⁵

Semua aspek ini mengikut Dr. Shafie Abu Bakar berperanan memperhalus, memperdalamkan dan memperindahkan bahasa itu sendiri. Dalam erti kata lain ia mentakmilahkan (menyempurnakan) bahasa dari segi lahiriah dan maknawi.

Salah satu aspek estetika yang mengkaji keindahan bahasa, khususnya berhubung dengan al-Quran, dikenali sebagai ilmu Badi' (علم البديع). Dari segi bahasa, ia bermaksud menciptakan, dari segi istilah ia merupakan satu ilmu khusus yang menjadikan bahasa indah, manis, lembut dan menawan⁵⁶. Ilmu badi' terbahagi kepada dua iaitu pengindahan dari segi maknawi (معنوي) dan keelokan dari segi lafzi dan pecahan kedua-duanya secara terperinci. Sebagai contoh keindahan dari segi maknawi ialah firman Allah:

⁵² Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p76.

⁵³ Surah Taha: 5

⁵⁴ Surah Ibrahim: 1

⁵⁵ Surah Ghafir: 13

⁵⁶ أحمد الهاشمي، 1960، جواهر البلاغة، مصر: المكتبات التجارية الكبرى، ص 245.

وَهُوَ الَّذِي يَتَوَفَّاكُم بِاللَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُم بِالنَّهَارِ ثُمَّ يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَىٰ أَجَلٌ مُّسَمًّى ثُمَّ إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

⁵⁷ {60}

Keindahan dari segi lafzi (sebutan lahir) pula antaranya termasuklah unsur-unsur (السجع) seperti dalam Surah (الضحى) dan banyak dalam surah-surah dalam juzu' ke-30. Unsur-unsur ini sudah tentulah menambahkan takmilah bahasa dari segi maknawi dan lafaz.

Mengikut V.Braginsky, keindahan demikian dapat dilihat juga dalam sastra Melayu sebagai sebahagian daripada unsur estetika khususnya dalam syair dan pantun Melayu⁵⁸ dan juga puisi-puisi lain.

Unsur-unsur Maknawi (Dalaman)

Dari segi maknawi, selain unsur-unsur estetika dalam kepuisian yang telah dibicarakan di atas ialah simbol, citra, personifikasi dan hiperbola yang turut mewarnai dan mentakmilah (menyempurnakan) puisi. Ia digunakan dalam puisi tradisional atau puisi moden.

Unsur-unsur Lahiri (Luaran)

Keindahan yang dapat dilihat dengan nyata termasuklah rima, ritma, matra, perulangan, suku kata, aliterasi, asonasi, pembayang maksud dan maksud bagi pantun.

Maka dengan itu kepaduan unsur-unsur maknawi dan lahir dalam satu-satu genre kesusasteraan merupakan dua unsur yang sama-sama menyempurnakan (mentakmilah) daya estetika sesebuah karya khususnya puisi.

Takmilah dan Karya: Satu Analisa

Unsur-unsur "Takmilah" yang dilihat dari aspek luaran dan dalaman yang telah dikupas sebelumnya, dapat diaplikasikan dalam melihat sesebuah karya sastra samada sastra tradisional atau moden. Seterusnya Dr. Shafie Abu Bakar menampilkan kisah Taj al-Salatin sebagai contoh untuk mengimplimentasikan Teori Takmilah yang ditampilkannya. Kandungan dalam kitab Taj al-Salatin "تاج السلاطين", sebuah kitab yang lahir dari persekitaran ilmiah di Aceh. Ia dikarang oleh seorang yang berlatar belakangkan agama dengan mengambil bentuk historiografi yang ciri-cirinya wujud dalam tradisi Islam seperti kitab "نصيحة الملوك" oleh Imam al-Ghazali atau al-Ahkam al-Sultaniah oleh Imam al-Mawardi. Tulisannya bertujuan untuk menasihati raja-raja dan pembesar-pembesar dan kakitangan pemerintah dalam mengendalikan pemerintahan dan juga panduan kepada ibu bapa dalam mendidik anak. Tekniknya menggunakan pendekatan kitab yang lumrah dihasilkan oleh para ulama' yang mengandungi unsur-unsur Islam iaitu memulakan dengan tulisan Basmalah (بسملة), hamdallah (حمد لله) dan selawat kepada Rasul. Demikian juga dengan penutup yang penuh dengan unsur-unsur Islam. Strukturnya disusun mengikut fasal atau bab. Temanya berunsur politik pemerintahan menurut aspirasi keislaman dan kaya dengan unsur-unsur pendidikan Islam, manakala idea dan pemikiran di dalamnya berdasarkan pengajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan Hadith. Latarnya bersifat universal di samping menyentuh tempat-tempat dan zaman tertentu.

⁵⁷ Surah al-An'am: 60

⁵⁸ Braginsky, V.I., 1993, *The System of Classical Malay Literature*, Koninklijk Institute Voor Taal, Land-en Volkenkunde: Leiden, pp41-54.

Budaya yang ditonjolkan dalam karya tersebut berasaskan latar budaya Islam yang pengaruhnya berasal daripada budaya masyarakat umat Islam seperti pada zaman tokoh sahabat, tabiin dan sebagainya. Biografi mereka jelas daripada kalangan tokoh Islam yang berwibawa seperti khalifah Umar Ibn al-Khattab dan khalifah Umar Ibn Abd. Aziz. Sudut pandangannya jelas merupakan sudut pandangan Islam yang berasaskan nilai-nilai keislaman. Amanatnya bertujuan mendidik segenap lapisan masyarakat yang menjadi khalayak karya, daripada kalangan atasan iaitu raja-raja, kalangan pemerintah sehinggalah kepada rakyat biasa dengan nilai-nilai Islam.

Seorang sarjana Barat “Wrendly” ada menulis tentang buku (تاج السلاطين) katanya: Bahawa Taj al-Salatin mengandungi beberapa ajaran yang bermoral dalam bentuk cerita dan dikarang dalam bahasa yang bagus dan gaya yang baik. Taj al-Salatin adalah salah satu kitab yang terbaik dalam Bahasa Melayu untuk dibaca⁵⁹.

Apabila kita meneliti kitab "تاج السلاطين", susunan bahasanya agak lembut walaupun terpengaruh dengan bahasa Parsi dan Arab di samping terdapat istilah-istilah daripada kedua-dua bahasa tersebut yang digunakan di sana sini. Dapat dikatakan bahawa "تاج السلاطين" mempunyai gaya bahasa yang tersendiri. Di dalamnya juga terdapat berbagai-bagai bentuk puisi yang berasal dari Arab seperti syair, nazam, qitah (قطة), qasidah dan ghazal. Begitu juga terdapat bentuk-bentuk puisi yang berasal dari Parsi seperti rubai (ربيع) dan masnawi (مسنوي). Taj al-Salatin juga kaya dengan unsur-unsur estetik sebagaimana yang terdapat dalam sesebuah karya puisi. Jadi apa yang dibicarakan dari segi kandungan sebuah karya yang berbentuk prosa ialah men“takmilah”kan karya berkenaan sebagai sebuah karya sastera kitab (الأدب الكتاب). Kandungan kitab ini pula merupakan sebuah hasil kesusasteraan Islam yang ditujukan kepada khalayaknya sebagaimana telah diperkatakan, iaitu bertujuan mentakmilahkan individu dan masyarakat menurut acuan nilai dan sudut pandangan keislaman.

Seterusnya Dr. Shafie menampilkan satu karya puisi moden yang baginya cukup “ideal” untuk diadaptasikan dengan teorinya “Takmilah” iaitu puisi sasterawan agung Iqbal (1873-1938) yang berjudul Asrar-i-Khudi. Baginya puisi ini paling unggul. Ia dianggap puisi Iqbal yang paling berjaya antara sepuluh buah kumpulan puisi yang telah dihasilkannya. Puisinya ini, mengikut Dr. Shafie telah mentakmilahkan genre puisi umat Islam yang tiada bandingan dalam abad ke-20. Karyanya ini, khususnya “Asrar-i-Khudi” membicarakan tentang persoalan diri dan kesedaran yang ditiupkan kepada umat Islam di India dalam zamannya agar bangkit daripada rasa kecewa dan memberikan harapan kepada mereka akan wujudnya sebuah negara yang kemudian dikenali sebagai Pakistan (1947).

Dilihat dari segi latar, biografi dan watak, Iqbal jelas seorang tokoh Islam yang unggul. Beliau berkelulusan tinggi, memahami bangsa Islam dan barat serta mengkaji Tasawwuf Islam di Parsi, yang turut memupuk jiwanya menjadi seorang penyair. Puisi Iqbal khususnya Asrar-i-Khudi, merupakan karya yang kaya dengan nilai-nilai Islam. Walaupun beliau mendalami falsafah Barat, sanjungannya tetap kepada falsafah Islam.

Puisi Iqbal mempunyai gaya tersendiri, sebagai sulaman daripada pengaruh penyair seperti Jalaludin al-Rumi dan penyair-penyair Barat. Puisinya sempurna dari segi aspek estetik sebagaimana yang telah dibicarakan. Puisinya merupakan suara akan datang, iaitu suara yang

⁵⁹ Khalid Hussein, 1966, “*Pengenalan*” dalam *Taj al-Salatin*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, pxiii.
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

mengharapkan bangkitnya umat dan kembalinya kegemilangan umat Islam. Puisi Iqbal mengikut Dr. Shafie berunsur takmilah dari segi dalaman, iaitu daripada sifat puisi itu sendiri, di samping mentakmilahkan secara luaran, iaitu masyarakatnya dan juga umat Islam seluruhnya.

Walaupun kedua-dua contoh ini ekstrim dari segi kesempurnaannya, lantaran contoh-contoh sempurna dari berbagai-bagai aspek, namun teori takmilah ini boleh digunakan untuk melihat, misalnya hasil-hasil sastera moden kini dari sudut keislaman. Walaubagaimanapun hasilnya tentulah tidak semuanya mengarah kepada sesuatu yang bersifat positif.

Menurut Dr. Shafie lagi, bagi sesetengah karya misalnya yang kurang nilai-nilai keislamannya, akan terdapat aspek-aspek negatif di dalamnya. Dari segi teori takmilah ia tidak terjejas. Ia berperanan sebagai kayu ukur nilai. Dan nilai yang sebenarnya dalam teori takmilah ini ialah nilai-nilai Islam.

Takmilah dan Aspek Luaran: Satu Analisa

Sesungguhnya sastera tidak sahaja bersifat “Takmilah” kepada aspek-aspek dalaman sebagaimana yang telah dibincangkan, tetapi juga takmilahnya bersifat luaran. Umpamanya, menyedari akan potensi sastera sebagai sesuatu bentuk pengucapan yang indah dan menarik, minat dan mudah diingat, khususnya puisi. Maka dalam tradisi keilmuan Islam, puisi dijadikan sebagai wadah penyampaian maklumat. Lantaran itu, seorang sarjana Barat Cantarino berkata: Poetry is the archives of the Arabs⁶⁰.

Walaupun ungkapan ini khusus ditujukan kepada orang Arab, tetapi ia turut menjadi tradisi umat Islam. Peranan sastera khususnya puisi sebagai penyimpan khazanah keilmuan ini menunjukkan bahawa puisi berperanan untuk mentakmilah ilmu. Dengan demikian, bukan sahaja ilmu terpelihara bahkan martabat puisi dipandang tinggi kerana bergandingan dengan ilmu. Di samping itu, sastera berperanan membangkitkan semangat juang sebagaimana terkandung dalam Hikayat Amir Hamzah dan Muhammad Hanafiah yang dibacakan kepada pahlawan-pahlawan Melaka dalam perjuangan menentang Portugis (1511). Begitu juga syair “Perang Sabil” telah dibacakan kepada pahlawan-pahlawan Aceh dalam perang menentang Belanda.

Sesungguhnya sastera dalam bentuk puisi mahupun prosa (نثر), seperti cerita-cerita ringkas seringkali disulam dalam karya-karya ilmu seperti dalam kitab. Ia juga turut berfungsi sebagai penghias dan penghibur peringkat tinggi dalam tradisi pembelajaran dan keilmuan Islam, dengan cara memberi kerehatan kepada pelajar-pelajar atau pembaca apabila berdepan dengan kutipan-kutipan sastera yang indah, tinggi mutunya dan mengandungi hikmat-hikmat yang begitu mendalam. Sesungguhnya fungsi sastera tidak hanya setakat bersifat takmilah dalam tulisan yang bersifat keilmuan, tetapi juga dalam percakapan seperti khutbah, perbualan dan perbahasan apabila ia berperanan sebagai pemanis kata dan pengindah bahasa.

Dari satu segi, sastera dapat menembusi bahasa pemikiran yang mendalam. Biasanya fikiran-fikiran yang mendalam tinggi dan bersifat falsafah diperturunkan dalam bahasa yang teratur dan logik, namun dari segi batas ia boleh ditembusi oleh sastera. Misalnya lahir daripada tradisi Islam satu bentuk yang dikenali sebagai Hikam (حكم) umpamanya karangan al-Sheikh ‘Ata

⁶⁰ Cantarino V., 1975, *Arabic Poetic In The Golden Age*, E.J. Brill: Leiden, p9.

Allah al-Iskandari (عطاء الله الإسكندري). Ia merupakan satu bentuk karangan yang bersifat fikiran bersulamkan sastera. Hasilnya bukan sahaja satu bentuk yang indah dari segi fikiran, tetapi juga dari segi ungkapan sastera.

Oleh yang demikian, Dr. Shafie menegaskan bahawa sastera tidak hanya setakat bersifat takmilah bagi ilmu, tetapi juga bersifat takmilah dalam ibadat. Terdapat doa, zikir, selawat, tahmid dan tahlil yang disusun dalam bahasa yang indah bersastera, kerana dengan bahasa yang indah akan lebih mesra ucapan dan lebih terasa bahawa Allah itu dekat dan tidak jemu diulang-ulang.

Dalam sastera moden, baik novel, cerpen, sajak atau drama, Dr. Shafie melihat dari sudut takmilah sastera ini mesti berperanan mendidik jiwa masyarakat dengan nilai yang baik, berseni dan berbudi. Oleh kerana itu, untuk mencapai tujuan ini hanya sastera yang bermutu dan tidak merosakkan sahaja yang harus diberi tempat dan disebarkan kepada masyarakat.


Untuk melihat teori “takmilah” dalam dasar pelajaran haruslah dipastikan keseimbangan di antara didikan sains, sastera dan keagamaan. Walaupun wujud aliran-aliran khusus dalam pengajian, seperti aliran sains, perubatan, ekonomi, keagamaan, pendidikan dan sebagainya, namun seni dan sastera haruslah diwujudkan dalam aliran-aliran tersebut kerana didikan seni dan sastera dapat membantu mentakmilahkan peribadi seseorang individu seperti memupuk nilai kemanusiaan, kehalusan budi bahasa dan budaya di samping nilai-nilai agama. Dr. Shafie menambah, andainya perkara ini tidak dilakukan dasar pendidikan kita akan melahirkan manusia yang tidak seimbang. Sebahagian daripada mereka mungkin lebih banyak membawa masalah sosial kepada masyarakat⁶¹.

Sesungguhnya, fungsi sastera diiktiraf oleh Islam, sebagaimana yang telah dibuktikan di dalam al-Quran. Sesungguhnya dua pertiga daripada kandungan al-Quran bersifat cerita yang erat hubungannya dengan sastera. Unsur sastera meluas terdapat dalam al-Quran dan sememangnya al-Quran itu diturunkan ditengah-tengah masyarakat yang amat mengagungkan sastera. Fungsinya adalah untuk mendidik jiwa masyarakat dengan nilai-nilai keislaman.

Hubungan Teori “Takmilah” Dan Pengkarya (Sasterawan)

Dari sudut penghasilan sastera Islam, sebenarnya tidak akan tercapai sekiranya pengkarya tidak melengkapkan diri untuk menguasai ilmu-ilmu keislaman dan ilmu-ilmu yang berhubung dengan sastera. Ini dapat dirajahkan seperti berikut:

⁶¹ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p84.




Rajah 12: Gambaran Hubungan di antara Teori Takmilah dan Pengkarya (Sasterawan)⁶².

Apa yang dimaksudkan dengan memahami ilmu-ilmu keislaman ialah seorang sasterawan Muslim sebenarnya tidak akan mampu menulis sesuatu yang berhubung dengan Islam, tanpa menguasai ilmu-ilmu Islam. Oleh sebab itu, seorang sasterawan Muslim seharusnya seorang yang alim dalam bidang keilmuan Islam, bukan hanya setakat bersifat asas, tetapi seharusnya secara mendalam dan menerapkannya ke dalam dirinya. Seorang sasterawan Muslim juga bukan sahaja perlu menguasai tradisi sastera Islam sebagai contoh bagi penghasilan karya-karya Islamnya, tetapi harus juga menguasai ilmu-ilmu yang berhubung dengan sastera umum, teori dan kritiknya serta ilmu-ilmu lain kerana semuanya ini dapat meluaskan kefahaman tentang sastera dan membantu mengaplikasikannya di dalam karya-karya menurut kesesuaiannya dengan sastera Islam.

Teori Takmilah dan Hubungannya dengan Khalayak (Pembaca)

Penghasilan sesebuah karya sastera tidak bermakna sekiranya ia dihasilkan dan tidak disampaikan kepada pembaca. Sesebuah karya akan benar-benar teruji samada bermutu atau sebaliknya apabila ianya dibaca oleh khalayak. Dari segi sastera Islam, apakah ia benar-benar serasi dengan kehendak dan kepentingan sastera Islam. Jika dilihat dari segi sastera Islam, khalayak adalah penting, lantaran sesebuah karya sastera Islam yang berfungsi itu secara tersiratnya seharusnya berunsur pendidikan, dakwah, menanamkan nilai-nilai Tawhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sebagainya. Sasaran bagi semuanya ini tidak lain dari khalayak. Ini dapat dirajahkan sebagaimana berikut:

⁶² Ibid, p137.



Rajah 13: Gambaran Hubungan Antara Teori Takmilah Dan Khalayak⁶³.


Rumusan Teori Takmilah

Daripada keterangan yang telah dijelaskan, bahawa Teori Takmilah dapat dirumuskan dalam rangka teori yang disatukan, iaitu dengan menggabungkan semua prinsip yang telah diperkatakan secara melihat dari atas ke bawah kepada prinsip yang paling asasi iaitu Allah, membawa kepada tahap berikutnya iaitu Rasulullah s.a.w, Islam, ilmu, pengarang, karya dan pembaca.

Pendekatan secara melihat dari atas ke bawah ini sebagaimana yang telah diterangkan satu persatu, tahap demi tahap sebelum ini memperlihatkan ketuhanan bersifat induk dan sentral bagi setiap sesuatu termasuk kegiatan berkarya. Terpautnya pengkarya (sasterawan) terhadap unsur-unsur estetik yang memanggилnya untuk berkarya tidak terkeluar dari batas sunnatullah. Nilai indah (estetik) yang dihayati pengkarya yang digubah di dalam karya tidak lain dari gambaran (manifestasi) Jamal Allah (عز وجل) yang rentetan sifat Allah ini tercermin pada "أحسن" kejadian manusia ciptaan Allah yang puncaknya tergambar pada personaliti Rasulullah s.a.w.

Seterusnya tergambar secara Ihsan (إحسان) di dalam Islam yang halus lagi rohani sifatnya. Manakala rentetan pada peringkat ilmu pula bersifat "intuisi" dan keilhaman, dan peringkat pengkaryaan, baik pada pengkarya, karya dan juga pembaca dikenali sebagai estetik iaitu sebagai lanjutan gambaran sifat "Jamal" Allah yang ditimba pengkarya dan dicurahkan ke dalam karyanya. Senario ini dapat dirumuskan seperti dalam rajah di bawah:

⁶³ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p138.



Rajah 14: Rumusan Prinsip-Prinsip bagi Teori Sastera Islam al-Takmilah⁶⁴.

⁶⁴ Shafie Abu Bakar, 1997, *passim*, p140.

Dari rajah ini terserlah tempat bertolaknya konsep teori dan sifat Allah “Kamal” (sempurna) yang menjadi tujuan sastera melalui tali estetika (Jamal), seterusnya turun ke bawah Jamal, Ahsan (أحسن), Ihsan (إحسان), intuisi (wijdan) dan estetik merupakan pecahan lanjutan dari sifat sempurna ini. Dilihat dari bawah merupakan peningkatan dari bawah ke atas kepada yang sempurna. Takmilah bermula dari pengkarya yang seharusnya melengkapkan dirinya dengan ilmu sastera, Islam dan ilmu-ilmu yang lain sehingga dia mampu menjadi penulis Islam yang berkelayakan.

Karya (teks) yang dihasilkan pengkarya dilihat dari sudut takmilah karya Islam ialah usaha pengarang (yang memahami Islam dan berusaha menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam karyanya), secara tidak langsung (bersifat dakwah, pendidikan, taqwa dan sebagainya) memberi kesan yang positif kepada khalayak (pembaca) menghayati nilai-nilai Islam melalui karya-karya yang dibaca. Ini merupakan ciri “takmilah” yang mana dari kesan karya, mendidik khalayak ke arah memperbaiki diri dengan nilai-nilai yang positif (sempurna) melalui penghayatan seni sastera.

Dari satu segi melalui seni karya sastera pada tahap teratas ia berperanan sebagai “takmilah” (takamul) dari sudut keilmuan. Maksudnya ilmu dapat dicapai melalui karya sastera, dan ia lebih menarik dari mempelajarinya secara langsung. Ertinya ilmu dan sastera saling bantu membantu dan melengkapi (takamul). Sastera pula lebih tinggi bila berganding dengan unsur ilmu. Unsur ilmu dan kemanusiaan (sastera) mempertingkatkan diri insan. “Takmilah” di dalam keilmuan, meningkatkan diri khalayak (pembaca) kepada “takmilah” di dalam skema keislaman (akmal). Ertinya melalui ilmu, pembaca mendekatkan diri dengan kesempurnaan Islam yang diakui kesempurnaannya oleh Allah. Ertinya sastera dapat berfungsi untuk mempertingkatkan mutu keislaman seseorang di samping syarat di atas seperti berilmu, beramal dan berakhlak mulia.

Dengan melengkapkan diri menghayati Islam, antaranya melalui ilmu dibantu dengan “takmilah” melalui karya sastera, khalayak (pembaca) baik dalam bentuk individu atau dalam kumpulan masyarakat dengan keperluan-keperluan tertentu dengan ditakmilahkan oleh sastera, maka ianya dapat meningkatkan “takmilah” ke arah insan kamil iaitu melalui keseimbangan pencapaian nilai insan khalifah dan insan Rabbani. Tahap ini mengisyaratkan kepada tingkat tertinggi betapa insan di sini melalui sastera menerusi jalan Jamal Ilahi, ingin melengkapkan diri dengan nilai-nilai sempurna yang mana di antaranya dibantu oleh jalan estetik hati dan rohani yang pada hakikat insan dan sastera tidak mencapai ke arah itu, tetapi wujudnya ke arah itu. “Kamal” itu sifat Allah dan insan inginkan diri mencapai tahap kamil yang hanya mampu dicapai oleh para Rasul. Jadi dari segi teori, sastera mempunyai ideal untuk mentakmilahkan pengkarya, khalayak, karya ilmu dengan nilai keislaman kepada sebagaimana sifat kamil Rasulullah yang menjadi ikutan kepada hamba, dan alam ini membuktikan kamalnya Allah.

Model dan Praktik Sastera Islam kepada Teori Takmilah

Mengikut Dr. Shafie, model bagi sastera mestilah diambil dari contoh-contoh yang kukuh dan bukan contoh-contoh yang enteng dan tidak jelas puncanya. Dalam hal ini, tidak ada model yang bersifat bahkan berprinsip yang kukuh bagi sastera Islam melainkan al-Quran al-Karim. Menurut Ismail al-Faruqi, al-Quran sungguhpun tidak dapat dikatakan sebagai sebuah karya

sastera, tetapi di dalamnya kaya dengan unsur-unsur dan nilai-nilai sastera⁶⁵. Al-Faruqi menambah lagi, al-Quran bukan sahaja setakat contoh tauladan bagi sastera, tetapi menjadi contoh dan standardisasi istilah, sintaks, nahu, balaghah dan fasahah⁶⁶.

Dari segi sastera yang dibahagikan kepada bidang prosa dan puisi, maka bagi bidang prosa seperti hikayat dalam sastera tradisi atau novel dalam sastera moden, dapat dicontohi konsep cerita panjang dari al-Quran seperti cerita Nabi Yusuf, cerita Ashab al-Kahfi, cerita mengenai Nabi Ismail dan sebagainya, manakala cerita-cerita yang ringkas lebih banyak terdapat di dalam al-Quran, bahkan dua pertiga daripada al-Quran bersifat cerita. Dari cerita-cerita di atas dapat dilihat wujudnya segala aspek yang biasanya wujud di dalam sesebuah karya yang bersifat cerita. Misalnya dari segi tema, bentuk persoalan, watak, struktur cerita, konflik, klimaks, bahasa, style, estetika, peleraian dan penyelesaian.

Dari cerita al-Quran dapat memenuhi teori takmilah baik dari sudut falsafah Tawhidnya yang merujuk kepada ketawhidan Allah dan kekuasaannya yang terserlah di dalam cerita-cerita daripada al-Quran itu. Ianya juga memperlihatkan sifat Jamal dan Kamalnya Allah dari cerita-cerita berkenaan. Cerita-cerita berhubung dengan Nabi memperlihatkan kekamilan perutusan-perutusan Allah seperti cerita Nabi Yusuf, Yaakob, lebih-lebih lagi cerita tentang Rasulullah s.a.w. Dari sudut “takmilah keislaman” sesungguhnya al-Quran dan segala kandungannya menyempurnakan Islam sebagaimana firman Allah yang menegaskan di dalam ayat terakhir al-Quran. Dari segi keilmuan sesungguhnya segala cerita dan apa yang berhubung dengan sastera dilihat sebagai takmilah keilmuan yang terkandung di dalam al-quran itu adalah juga sebagai kandungan ilmu.

Dari segi cerita-cerita dalam al-Quran yang lengkap dengan ciri-ciri sastera yang bertepatan dengan teori takmilah dari segi kandungan sastera, tidak syak lagi memberi petunjuk kepada khalayak sebagai kitab panduan sebagaimana yang ditegaskan Allah dalam al-Quran:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ {2} ⁶⁷

Kemudiannya, selain dari contoh-contoh karya yang bersifat prosa, di dalam al-Quran juga terdapat contoh-contoh dan ciri-ciri puisi baik yang bersifat syair bahasa berirama dan sebagainya. Dari dinamika al-Quran telah melahirkan ilmu-ilmu khusus bagi memahami unsur-unsur sastera di dalam al-Quran. Ilmu yang dimaksudkan ialah ilmu Balaghah yang di dalamnya mengandungi tiga komponen ilmu iaitu ilmu al-Ma‘ani, ilmu Bayan dan ilmu Badi’). Di dalam al-Quran dapat dilihat contoh العروض والقافية. Di samping itu ia menumbuhkan ilmu (contoh dari segi kefasahan dan balaghah. Dari segi ma‘ani dapat difahami aspek-aspek dari الاسناد (seru), النداء (tamanni), التمني (istifham), الاستفهام (tegah), المنع (suruh), الإنشاء (seg), الخبر (kependekan), القص (taukid), التوكيد (sifat), الصفة (berqayd), القيد (itlaq), الإطلاق (isnad), (panjang) dan sederhana. Dari segi الطويل (ringkas), الاختصار (pemisahan), الفصل (sambungan), bayan pula dibicarakan tentang tashih, majaz, isti‘arah dan kinayah. Manakala dari segi badi’ pula dibicarakan tentang keindahan maknawi yang di bawahnya terbahagi kepada 36 bahagian

⁶⁵ Al-Faruqi, Ismail R., 18-22 May 1984, *Islam and Literature*, Working Paper 12-Islamic Civilisation Seminar, Organized by Berita Harian With The Cooperation of Ministry of Culture Youth and Sport, Malaysia: Kuala Lumpur, p3.

⁶⁶ Ibid, p 4.

⁶⁷ Surah al-Baqarah: 2.

dan keindahan lahir yang terpecah pula kepada 16 pecahan⁶⁸. Dari al-Quran sesungguhnya mempertumbuhkan kajian sastra Arab dan Islam seperti kajian yang dibuat oleh Ibn Qutaibah dan Ibn Rashi dengan karyanya al-Umadah⁷⁰. الشعر والشعراء dalam kitabnya⁶⁹

Selain daripada al-Quran, prinsip asas dan contoh sastra Islam hendaklah mengikut Hadith-hadith terutama dari segi prinsip-prinsip tentang galakan dan juga larangan di samping tema-tema boleh didasarkan pada cerita-cerita mengenai sahabat, التابعين, الصالحين dan الأولياء. Berbagai-bagai bentuk sastra Islam juga boleh dijadikan contoh tauladan seperti sastra kenegaraan yang ditulis oleh al-Farabi yang berjudul المدينة الفضيلة⁷¹, al-Ghazali (نصيحة الملوك), al-Tha'labi (أدب الملوك)⁷² dan sebagainya. Ini termasuk beberapa karya kenegaraan di dalam Bahasa Melayu yang menyarankan konsep pemerintahan Islam seperti تاج السلاطين oleh Bukhari al-Jauhari dan دستور السلاطين oleh Nurudin al-Raniri. Di samping itu terdapat cerita-cerita berbingkai (القصة القصيرة) yang berasal dari Parsi yang bertemakan pendidikan akhlak yang boleh dijadikan contoh (model) untuk Teori Takmilah.

Bidang puisi adalah merupakan salah satu bidang yang subur di dalam perkembangan kesusasteraan Islam. Berbagai-bagai bentuk dikenal pasti seperti syair, nazam, qasidah, berzanji, qitah, ghazal, masnawi, rubai' (ربيع), pantun, gurindam dan sebagainya. Bentuk-bentuk ini digunakan bagi mengungkapkan berbagai-bagai tema dan persoalan. Umpamanya, puisi-puisi sufi yang mengungkapkan persoalan cinta Ilahi. Pembicaraan tentang akhlak dan keluhuran budi serta kepahlawanan. Aspek-aspek positif yang dibawa di dalam berbagai-bagai bentuk sastra ini merupakan ciri-ciri Takmilah sastra Islam.

Kesimpulan

Apabila kita meneliti dengan mendalam, kita akan dapati bahawa teori Takmilah yang dihasilkan oleh Dr. Shafie Abu Bakar merupakan satu ringkasan kepada kefahaman-kefahaman sastra Islam yang telah diutarakan oleh tokoh-tokoh besar sebelum ini baik di alam Melayu atau di Negara-negara luar khususnya negara-negara Arab. Dr. Shafie telah berjaya mengadun kefahaman-kefahaman ini yang memang telah sedia diperkatakan di dalam bentuk ringkasan teori yang padat untuk diaplikasikan oleh pencinta-pencinta seni. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa inilah satu contoh “teori sastra Islam” yang paling ideal setakat ini yang telah dicetuskan di Malaysia. Ianya mungkin boleh dimanfaatkan oleh peradaban luar Malaysia sebagai kajian perbandingan. Teori ini bukanlah sempurna dari segenap seginya, tetapi sekurang-kurangnya ia menjadi jawapan kepada kewujudan sastra Islam itu sendiri, atau kepada orang yang masih meragui kewujudan sastra Islam dengan mendatangkan sebab bahawa sastra Islam tidak mempunyai asas dan prinsip yang jelas serta dasar kritikan yang konkrit seperti aliran-aliran pemikiran sastra yang lain.

⁶⁸ أحمد الهاشمي، 1379/1960، جواهر البلاغة، المكتبات التجارية الكبرى: مصر، ص 428.

⁶⁹ Cantarino, Vicente, 1975, *Arabic Poetic In The Golden Age*, EJ Brill, Ibn Ishak: Leiden, Sirah Ibn Ishak, Dar al-Khani: Riyadh, p889.

⁷⁰ ابن الرشيق، 1408/1988، العمدة: في محاسن الشعر وأدبه، دار المعرفات: بيروت، ص 1286.

⁷¹ Idris Zakaria, 1991, *Teori Politik Al-Farabi*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, p47.

⁷² عبد المالك بن محمد الثعلبي، 1990، أدب الملوك، دار العرب الإسلامية: بيروت، ص 287.

Untuk memahami teori ini, seseorang pengkarya perlu terlebih dahulu mengetahui rangka dan prinsip-prinsip teori Takmilah terlebih dahulu sebelum berkarya. Kemudiannya dia perlu memahami kaedah penerapan iaitu pengaplikasian teori Takmilah sebagai pendekatan dan landasan kajian atau analisis terhadap sesebuah karya sastra Islam untuk melihat sejauh mana ia serasi dan memenuhi ciri-ciri sastra Islam yang sebenar.

Seterusnya, apabila kita melihat kepada dua belas prinsip yang diutarakan oleh Dr. Shafie dalam teori ini ia bersifat saling lengkap melengkapi antara satu sama lain, di samping bersifat holistik dan bersepadu, iaitu:

- 1) Berada dalam ruang lingkup falsafah Tawhid.
- 2) Teks tidak terpisah daripada nilai yang berasaskan keislaman.
- 3) Antara pengarang dengan teks mempunyai pertalian dalam kaitannya dengan nilai keislaman.
- 4) Tidak dikaitkan dengan ideologi tertentu yang bertentangan dengan Islam misalnya ideologi Marxisme.
- 5) Adanya unsur-unsur yang menganjur (secara tersirat) ke arah kebaikan seperti pendidikan, dakwah, taqwa, keluhuran, kemurnian hidup, kecintaan kepada Ilahi dan pembelaan terhadap yang tertindas.

Pada peringkat seterusnya, Dr. Shafie telah memperhalus dan memperjelas “teori takmilah” ini dengan lebih terperinci iaitu dengan mengutarakan tujuh prinsip berikutnya:

- 1) Prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal.
- 2) Prinsip kerasulan sebagai insan Kamil.
- 3) Prinsip keislaman yang bersifat Akmal.
- 4) Prinsip ilmu dengan sastra yang bersifat Takamul.
- 5) Prinsip sastra sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah.
- 6) Prinsip pada pengkarya (penulis) yang seharusnya mengistimikan diri.
- 7) Prinsip khalayak (pengamat karya) yang bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil.

Apabila kita menghalusi rangka ini maka kita akan dapati rangka Teori Takmilah ini telah diperinci dan bersifat holistik yang melibatkan ketuhanan, kenabian, keislaman, keilmuan, karya, pengkarya dan khalayak. Teori ini diperkukuhkan dari pelbagai prinsip keislaman dan persuratan. Ia tidak hanya bersifat awang-awangan tetapi dapat dibuktikan dari realiti yang berlaku dalam persuratan Islam itu sendiri. Meskipun istilah-istilah yang digunakan bagi tujuh prinsip ini ada perbezaannya iaitu Kamal, Kamil, Akmal, Takamul, Takmilah dan Istikmal, demi kesesuaian penggunaan pada prinsip-prinsip berkenaan, namun kesemuanya dari kata Kamal (sempurna) yang darinya diambil istilah “takmilah” (menyempurnakan).

Teori Takmilah yang telah diutarakan oleh Dr. Shafie ini telah diguna pakai untuk menganalisa beberapa antologi puisi moden Malaysia antaranya ialah: AYN (1983) karya Kemala (Ahmad Kamal Abdullah), Jalan ke Taman (1983) karya Ali Ahmad (Alis Murni), Tafakur (1985) dan Tali Iman (1987) karya Abham TR, Titisan Hujan di Negeriku Titisan Rindu (1989) karya

Nahmar Jamil, Kau dan Aku karya A. Aziz Deraman, Wajah Diri (1995) karya Dr. Shafie Abu Bakar sendiri, Sekepal Tanah (1995) karya Rahimidin Zahari, Dinding-dinding Kaca (1997) karya Johar Buang, Api Laut Merah (1999) karya Arifin Ariff, dan al-Amin (1999) karya sasterawan Negara A. Samad Said.

Untuk mengakhiri tentang teori Takmilah ini, mungkin ada baiknya kita menampilkan pendapat Ustaz Muhammad Uthman Al-Muhammady tentang sastra Islam, katanya: “Jika al-Quran dilihat sebagai satu hidangan spiritual (kerohanian) dari Allah untuk manusia di muka bumi ini, maka sastra Islam adalah satu hidangan spiritual untuk manusia yang mahu menikmati kebenaran dan keindahan di dalamnya. Jika al-Quran diyakini sebagai jalan yang dengannya manusia mampu mempelajari adab untuk diri dan kehidupannya, maka sastra Islam yang mengandungi ajaran dan nilai-nilai al-Quran adalah jalan yang dengannya manusia boleh mengenal dan mengamalkan adab dalam kehidupannya⁷³.

Teori Takmilah yang telah dicetuskan oleh Dr. Shafie Abu Bakar setidak-tidaknya boleh menjadi kayu pengukur kepada kewujudan sastra Islam itu sendiri apabila ia cuba diaplikasikan kepada karya-karya sastra. Teori ini amat unik kerana ia dipersembahkan dengan begitu ringkas dan menarik serta logik untuk diterima, sekaligus mengukuhkan kewujudan sastra Islam itu sendiri yang mana kaedah dan penerapan teori terhadapnya masih rancak dibicarakan dan ia juga merupakan jawapan yang paling tepat kepada mereka yang percaya “sastra Islam” hanya wujud dalam dunia “U Topia” (dunia awang-awangan) sahaja dan amat sukar untuk dijelmakan dalam dunia realiti.

Bibliografi

- Al-Attas, Syed Naquib, 1966, *Raniri and The Wujudiyyah*, Monograph of The Malaysian Branch Royal Asiatic Society III.
- Al-Munyawi, Makhluf, t.t, *Hasyiyat 'ala Sharh al-Jauhar al-Maknun*, Matbaah Dar al Tibaat: Mesir.
- Al-Faruqi, Ismail R., 18-22 May 1984, *Islam and Literature*, Working Paper 12-Islamic Civilisation Seminar, Organized by Berita Harian With The Cooperation of Ministry of Culture Youth and Sport, Malaysia: Kuala Lumpur.
- Braginsky, V.I., 1993, *The System of Classical Malay Literature*, Koninklijk Institute Voor Taal, Land-en Volkenkunde: Leiden.
- Cantarino V., 1975, *Arabic Poetic In The Golden Age*, E.J. Brill: Leiden.
- Duvingnaud, J., 1972, *The Sociology of Art*, Paladin: London.
- Dewan Sastra, Jun 1983.
- Harun Mat Piah, 1989, *Puisi Melayu Tradisional*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Idris Zakaria, 1991, *Teori Politik Al-Farabi*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Khalid Hussein, 1966, “*Pengenalan*” dalam *Taj al-Salatin*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Muhammad Hj Salleh, 1980, *Konsep Seni Sastra-Cerpen dan Novel dalam Penulisan Kreatif*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Shafie Abu Bakar, *Takmilah: Teori Sastra Islam dalam Kesusasteraan Islam (sehimpuan bahan rujukan)* oleh Hj. M.Bukhari Lubis, 1997, Bangi.

⁷³ Dewan Sastra, Jun 1983, p33.

Shafie Abu Bakar, 1997, *Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip, dalam Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik* Diselenggara Oleh Manasikana, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.

Thrall, Hibbard Holman, 1960, *A Handbook To Literature*, The Odyssey Press: New York.

Wellek, R. and Warren A., 1968, *Theory of Literature*, Penguin Books: London.

أحمد الهاشمي، 1960، جواهر البلاغة، المكتبات التجارية الكبرى: مصر

. بيروت: ابن الرشيقي، 1408/1988، العمدة: في محاسن الشعر وأدبه، دار المعارف

. عبد المالك بن محمد الثعلبي، 1990، أدب الملوك، دار العرب الإسلامي: بيروت